

49 Pelajar FKJ Terima Manfaat Modul Projek Syarikat Minyak dan Gas

Terakhir dikemaskini: Rabu, 16 Januari 2019 14:41 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 177

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

RABU, 16 JANUARI - Seramai 49 pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menamatkan modul projek berkaitan minyak dan gas dalam kerjasama Sabah Shell Petroleum Company Limited, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Rasid Mail berkata kerjasama diantara UMS dan Sabah Shell Petroleum Company Limited itu disambut baik bagi merapatkan jurang antara akademik dan pihak industri.

Menurut beliau, keseluruhan modul tersebut merupakan tajaan oleh pihak Shell untuk kumpulan pelajar tersebut.

“Tahniah Sabah Shell Petroleum

Company dan Fakulti Kejuruteraan kerana telah berjaya menyempurnakan modul selama 10 minggu ini.

“Saya gembira bahawa modul ini berjalan lancar tanpa mengganggu rutin kelas pelajar,” tambahnya ketika berucap menyempurnakan majlis penutupan program tersebut.

Selain itu, Profesor Dr. Rasid turut berharap agar modul seumpama itu dapat dicadangkan menjadi sebahagian daripada kurikulum tetap untuk pelajar dalam masa terdekat.

“Bagi pihak UMS, kami berharap lebih banyak kerjasama antara UMS dan Shell secara berkala ke arah kebolehpasaran pelajar dan melahirkan *future-proof graduates*,” ujarnya.

Turut hadir Pengurus Besar Syarikat Petroleum Shell Sabah, Prithipal Singh; Dekan FKJ, Profesor Ir. Dr. Karim Mirasa; dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FKJ, Dr. Mohd Kamel Wan Ibrahim.